

Kesan Pakej Strategi Baru positif

UM - 6 JUL 2003

Oleh YULPISMAN ASLI

KOTA BHARU 5 Julai — Pakej Strategi Baru yang diumumkan oleh kerajaan pada 21 Mei lalu telah mula menunjukkan kesan positif, kata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, antara kesan pakej berkenaan ialah ekonomi negara bertambah baik, peluang pekerjaan dapat disediakan kepada rakyat, perniagaan semakin rancak dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah mula menunjukkan prestasi yang baik.

“Kita bersyukur rancangan Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mula menunjukkan kesan positif,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di mailis sambutan Malam Anak Malaysia Pemuda Gerakan Kelantan di Dewan Perniagaan Cina di sini, malam tadi.

Majlis itu yang dihadiri oleh kira-kira 500 tetamu pelbagai

kaum dianjurkan oleh Pemuda Gerakan Kelantan. Antara lain ia bertujuan untuk mengeratkan perpaduan antara kaum di negeri ini.

Mustapa yang juga Pengerusi Barisan Nasional Kelantan berharap Kelantan akan turut menikmati limpahan daripada prestasi baik ekonomi negara sekarang.

Perdana Menteri pada 21 Mei lalu mengumumkan pakej strategi baru bernilai FW7.3 bilion untuk merangsang ekonomi negara yang terjejas akibat ketidakpastian global.

Pakej itu memberi penekanan kepada empat strategi utama iaitu menggalakkan pelaburan swasta, memperkukuhkan daya saing negara, menjana punca pertumbuhan baru dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan dan swasta.

Dalam perkembangan lain, Mustapa berharap semua parti komponen BN di Kelantan akan bekerjasama dan menjalin perpaduan yang erat antara mereka bagi menjamin kemenangan dalam pilihan raya umum akan datang.

Malah katanya, dalam konteks

BN sebagai pembangkang di Kelantan, maka usaha gigih dan kerjasama erat antara semua parti komponen amat diperlukan.

“Saya menyeru supaya ahli-ahli Parti Gerakan supaya bekerjasama dan bersama-sama parti komponen BN lain untuk merampas Kelantan,” katanya.

Jelasnya, walau pun bilangan penduduk bukan bumiputera di Kelantan hanya kira-kira enam peratus, tetapi mereka tetap memainkan peranan penting untuk memastikan kemenangan parti.

“Kita sudah tidak tahan di bawah pemerintahan Pas selama 13 tahun. Maka setiap ahli perlu mengatur langkah dan strategi untuk mencapai kemenangan. Dengan perpaduan dan strategi tersusun, kita akan beri cabaran kepada Pas,” tegasnya.